

MAHATHIR

1977

KUALA LUMPUR, 19 MEI (BERNAMA)--KERAJAAN AKAN MENKAKI SEMULA KESELURUHAN RANCANGAN PEMBANGUNAN USAHAWAN AJENSI-AJENSI YANG TERLIBAT DALAM PENYUSUNAN SEMULA PEMBANGUNAN YANG DIBENTUK DI BAWAH DASAR EKONOMI BARU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, PADA MASA LALU SETENGAH-SETENGAH BIDANG PEMBANGUNAN USAHAWAN SEPERTI PENGELUARAN DAN PEMASARAN TELAH TIDAK DIBERIKAN PENEKANAN YANG PENTING SUNGGUHPUN IA MERUPAKAN BIDANG YANG SANGAT DIPERLUKAN.

DI SAMPING ITU, KINI TERDAPAT BUKTI NYATA BAHAWA SALAH SATU DARIPADA MASALAH UTAMA YANG DIHADAPI OLEH PARA USAHAWAN BUMIPUTERA IALAH PENGURUSAN KEWANGAN BERKANUN.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERUCAP DEMIKIAN DI PERASMIAN KONVENSYEN EKONOMI MALAYSIA YANG KEEMPAT MENGENAI DASAR-DASAR AWAM BAGI PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT ANJURAN PER-SATUAN EKONOMI MALAYSIA DI SINI HARI INI.

KONVENSYEN TIGA HARI ITU SEDANG BERLANGSUNG DI UNIVERSITI MALAYA DI SINI. --BERSAMBUNG 1220/MD

££

B521

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA SALAH SATU DARIPADA DASAR SOSIO-EKONOMI UTAMA YANG DIRUMUSKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MENINGKATKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM BIDANG EKONOMI IALAH RANCANGAN PEMBANGUNAN USAHAWAN.

KATANYA, +ADALAH MENJADI TUGAS UTAMA KERAJAAN UNTUK MENRASONAL DAN MENYELARASKAN BERBAGAI RANCANGAN SUPAYA BAKAL-BAKAL USAHAWAN BUMIPUTERA DAPAT DIPERTINGKATKAN DARI SEGI PERKHIDMATAN, KEMUDAHAN DAN GALAKAN.

+SELAIN DARI ITU, RANCANGAN ITU SENDIRI MUNGKIN JUGA PERLU DITUKAR CORAKNYA BAGI MENGADAKAN BANTUAN YANG LEBIH BERMAKNA KEPADA KAUM BUMIPUTERA.+

DR. MAHATHIR JUGA MENYEBUT TENTANG PERLUNYA DIADAKAN PERBEZAAN YANG JELAS ANTARA PERANAN USAHAWAN BUMIPUTERA DAN PERBADANAN AWAM DALAM SEKTOR BERKANUN.

MENURUT BELIAU, LAPORAN-LAPORAN YANG DITERIMA DARI PARA USAHAWAN BUMIPUTERA MENYATAKAN DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU PERBADANAN AWAM BERSAINGAN DENGAN USAHAWAN BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN SEMASA KERAJAAN MERUMUSKAN DASAR EKONOMI BARU ITU, BUKANLAH MENJADI TUJUANNYA SUPAYA PERBADANAN-PERBADANAN AWAM BERSAING DENGAN USAHAWAN-USAHAWAN BUMIPUTERA. --BERSAMBUNG 1224/MD

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

TAMBAH BELIAU, "ADALAH JELAS BAHAWA GARIS-GARIS PANDUAN DASAR YANG BARU PERLU DIADAKAN UNTUK MENTAKRIF SEMULA DENGAN NYATA BIDANG-BIDANG TERTENTU BAGI PENYERTAAN EKONOMI.

"PADA UMUMNYA PERBADANAN-PERBADANAN AWAM MESTILAH MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI DAYA PENDORONG KEPADA USAHAWAN BUMIPUTRA."

DR. MAHATHIR MENERANGKAN HASIL DARI MAKLUMAT DAN ANALISA YANG DIKEMAS KINI, KERAJAAN TELAH DAPAT MENGETAHUI BAHAWA SISTEM PELAKSANAAN DAN KAWALAN KEWANGAN BERKANUN MERUPAKAN MASALAH-MASALAH UTAMA YANG DIHADAPI OLEH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

DI PERINGKAT PERTENGAHAN, KATANYA, KERAJAAN TELAH MENGADAKAN SATU SISTEM KAWALAN PERANGKAIAN MENGENAI EKUITI, PEKERJAAN DAN PENGURUSAN.

BAGAIMANAPUN, SATU SISTEM KAWALAN UNTUK MENGESAN KETIDAKCEKAPAN DI PERINGKAT BERKANUN BELUM LAGI DIWUJUDKAN.

"JIKA KETIDAKCEKAPAN PELAKSANAAN TIDAK DIPERBETULKAN, SEGALA CAEDAH YANG DIHAJATKAN APABILA PROJEK-PROJEK ITU DIPILIH TIDAK AKAN TERCAPAI," UJAR BELIAU.

DR. MAHATHIR BERKATA DENGAN ADANYA SISTEM KAWALAN ITU SETIAP KESILAPAN ATAU KEKURANGAN DAPAT DIKESAN DAN INI AKAN MEMBOLEHKAN PEMBETULAN DIBUAT DARI AWAL LAGI SUPAYA MATLAMAT ASAL SESUATU PROJEK ITU DAPAT DIHASILKAN. -- BERSAMBUNG HM 1238

EE

B526

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

MENURUT BELIAU, AJENSI-AJENSI UTAMA YANG TERLIBAT TELAH DIARAH MENJALANKAN TUGAS MASING-MASING MENGIKUT SISTEM SEUMPAMA ITU.

DR. MAHATHIR JUGA MENYEBUT BAHAWA KERAJAAN AKAN TERUS MELABUR DENGAN BANYAKNYA DI BIDANG PEMBANGUNAN WILAYAH DALAM TEMPOH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

KATANYA, KIRA-KIRA \$12,000 JUTA AKAN DIBELANJAKAN UNTUK TIGA BUAH PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN WILAYAH YANG SEDIA ADA SEMENTARA SEBUAH LAGI BADAN SEUMPAMA ITU SEDANG DIRANCANGKAN DI SELATAN NEGERI KELANTAN.

BELIAU BERKATA ADALAH TERLALU AWAL UNTUK MEMBUAT PENILAIAN TENTANG POTENSI KAWASAN-KAWASAN PEMBANGUNAN WILAYAH TERSEBUT DALAM MENCAPAI MATLAMAT PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT "TETAPI JIKA RANCANGAN JENGKA BOLEH DIJADIKAN CONTOH, POTENSI KAWASAN-KAWASAN TERSEBUT ADALAH AMAT BAIK."

MENURUT DR. MAHATHIR, RANCANGAN JENGKA AKAN DAPAT MENAMPUNG KIRA-KIRA 62,000 ORANG MENJELANG TAHUN 1980.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PUSAT-PUSAT PERINDUSTRIAN BANDAR DI KAWASAN-KAWASAN BERKENAAN BERTUJUAN MENDORONG PEWUJUDAN SEBUAH MASYARAKAT PERINDUSTRIAN DAN PERDAGANGAN BUMIPUTERA YANG ASAS TETAPI BUKAN EKSLUSIF. -- BERSAMBUNG HM 1242

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR JUGA MENEKANKAN BAHAWA KERAJAAN BERAZAM UNTUK MENENTUKAN PENCAPAIAN MATLAMAT PEKERJAAN DAN EKUITI DASAR EKONOMI BARU ITU TANPA MENJEJASKAN PERTUMBUHAN EKONOMI.

BELIAU MENYATAKAN PADA UMUMNYA KERAJAAN SEDANG MENUJU KE ARAH SATU KONSEP PERANCANGAN DASAR YANG DISATUKAN DENGAN SEKTOR SWASTA.

''PENDEKATAN INI ADALAH PRAGMATIK DAN LONGGAR. KITA TELAH BERUNDING DENGAN SEKTOR SWASTA MENGENAI KEBANYAKAN PERUBAHAN DASAR DAN AKAN TERUS BERBUAT DEMIKIAN DI MASA-MASA AKAN DATANG.

''SETIAP ADUAN DAN TIMBAL BALIK DARI SEKTOR TERSEBUT DIPERTIMBANGKAN SECARA SERIUS DAN DIAMBIL TINDAKAN, '' TEGAS DR. MAHATHIR.

DR. MAHATHIR BERKATA SALAH SATU KONSEP PENTING YANG DIRUMUSKAN OLEH JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PELABURAN YANG DIPENGERUSIKANNYA SENDIRI TALAH BERHUBUNG DENGAN PENYELIBATAN BERSAMA SEKTOR AWAM DAN SWASTA DALAM BIDANG PEMBANGUNAN.

MENURUT BELIAU, PERKONGSIAN INI SEMAKIN NYATA BERKUTAN BERTAMBAH BAIKNYA HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA SEKTOR ITU.

HASIL-HASIL YANG NYATA TELAHPUN DIPEROLEHI SEBAGAIMANA YANG TERBUKTI DENGAN PERUBAHAN-PERUBAHAN DASAR, PINDAAN UNDANG-UNDANG DAN PENDEKATAN MENYELURUH TERHADAP PERATURAN BIROKRATIK, TAMBAHNYA.

-BERNAMA HM 1350